



e-ISSN: 0128-0902  
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(3) 2024

Journal of  
Contemporary  
Islamic Studies

# Tahap Sensitiviti Status Halal dan Toyyib Terhadap Makanan Trend Dalam Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam

(The Awareness Level of Halal and Toyyib Status on Food Trends Among Islamic Studies Students at Universiti Teknologi MARA, Shah Alam)

Nur Aqilah Rashidah Mohd Rizal<sup>1\*</sup>, Liana Ab Latif<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Education and Social Sciences, Universiti Selangor, 45600 Batang Berjuntai, Malaysia

## ARTICLE INFO

### Article history:

Received 24 July 2024

Accepted 20 September 2024

Published 9 Disember 2024

### Keywords:

halal status  
Islamic Studies student  
sensitivity  
toyyib status  
trendy food

### Katakunci:

mahasiswa pengajian Islam  
makanan trend  
sensitiviti  
status halal  
status toyyib

### DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.12>

## ABSTRACT

The status of halal and toyyib in the selection of trendy foods is important within the Muslim community, particularly among the younger generation who are exposed to food in restaurants, fast food outlets, and street vendors. This is because it is closely related to self-preservation by avoiding foods that contain forbidden animal elements. Therefore, this study was conducted to assess the level of awareness among Islamic studies students at UiTM Shah Alam regarding the status of halal and toyyib. This study also examines the factors influencing trendy food selection among Islamic studies students at UiTM Shah Alam. Additionally, it analyses the positive impact of students' awareness of halal and toyyib on their selections of trendy foods. The methodology employed is a quantitative research design. The research data were analysed using descriptive analysis to interpret the questionnaire responses. The respondents of this study consisted of 121 Islamic studies students at UiTM Shah Alam. The data were analysed statistically to obtain frequencies and percentages. The findings of the study show that the awareness level of UiTM students regarding the status of halal and toyyib is high. The results also indicated the existence of specific factors influencing trendy food selection among UiTM students in Shah Alam. Moreover, the findings show that the positive impact of UiTM students' awareness of halal and toyyib in trendy food selection is significant. Suggestions are also offered to improve awareness and encourage the practice of making halal and toyyib food choices in students' daily lives. In conclusion, this study underscores the importance of education and awareness regarding halal and toyyib trendy foods among students, as well as their significant impact on halal enforcement agencies and the broader community.

<sup>1\*</sup> Corresponding author. *E-mail address:* [lianaablatif@unisel.edu.my](mailto:lianaablatif@unisel.edu.my)  
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.12>

---

## ABSTRAK

---

Status halal dan toyyib dalam pemilihan makanan trend adalah penting dalam kalangan masyarakat Muslim, terutamanya generasi muda yang terdedah kepada makanan di restoran, kedai makanan segera, dan juga penjaja jalanan. Ini kerana ia berkait rapat dengan pemeliharaan diri daripada memakan makanan yang berunsurkan haiwan yang diharamkan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap sensitiviti mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam terhadap status halal dan toyyib. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji faktor pemilihan makanan trend dalam kalangan mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam. Kajian ini turut menganalisis impak positif terhadap sensitiviti mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam terhadap status halal dan toyyib dalam pemilihan makanan trend. Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Data kajian dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif bagi menghuraikan data yang telah dikumpul. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik. Responden kajian ini terdiri daripada 121 orang mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam untuk mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan. Data dianalisis secara statistik untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap sensitiviti mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam terhadap status halal dan toyyib adalah tinggi. Selain itu, hasil analisis juga menunjukkan terdapat faktor pemilihan makanan trend dalam kalangan mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam. Dapatan kajian juga menunjukkan impak positif daripada sensitiviti mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam terhadap status halal dan toyyib dalam pemilihan makanan trend. Beberapa cadangan juga dikemukakan untuk mempertingkatkan sensitiviti dan amalan pemilihan makanan trend oleh mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam dalam kehidupan seharian. Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat menggambarkan kepentingan pendidikan dan kesedaran tentang makanan trend yang halal dan toyyib di kalangan mahasiswa dan juga memberi impak yang besar kepada agensi-agensi penguatkuasaan halal dan masyarakat.

---

## PENDAHULUAN

Menurut Mohd Zain et al. (2024), sensitiviti merupakan hasil daripada pengetahuan atau pengalaman yang merangsang diri sendiri, sama ada melibatkan pemahaman, ingatan, dan penghayatan yang serius terhadap sesuatu. Mereka perlu menzahirkan perubahan dalam usaha atau buah fikiran hasil daripada pengalaman tersebut. Ini bagi membuktikan bahawa mereka telah menyedari pengalaman pada masa ia berlaku dan dapat menerangkan pengalaman tersebut. Oleh yang demikian, faedah dalam memilih makanan yang halal seharusnya diambil cakna dalam kalangan anak muda (Mohd, 2020). Hal ini kerana, mereka cenderung memilih makanan yang segera, mudah, dan lazat selaras dengan trend semasa kerana kekangan masa dan populariti produk makanan viral (Hashim & Kamis, 2022). Di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengeluarkan logo halal untuk mengesahkan status produk makanan halal. Logo halal JAKIM terkenal di seluruh dunia kerana Malaysia mempunyai reputasi dan kelebihan yang kukuh dengan logo dan sijil halal mereka (Gunardi et al., 2021; Zaini & Abd. Rahman, 2020). Ini diberikan oleh JAKIM sebagai satu cara untuk menunjukkan bahawa makanan atau produk tersebut memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh syarak. Malaysia adalah sebuah negara yang mengiktiraf agama Islam sebagai agama rasmi. Masyarakat Islam di Malaysia mempercayai JAKIM untuk memastikan makanan dan produk yang diperakui benar-benar halal (Awang, 2019).

Pemilihan pola pemakanan yang betul adalah penting untuk memajukan seseorang insan ke arah yang lebih berkualiti. Islam menyediakan garis panduan untuk memilih makanan yang halal, baik, berkualiti tinggi dan juga berkhasiat. Ini boleh mempengaruhi kesejahteraan fizikal, mental dan rohani seseorang (Muhamad et al., 2019). Menerusi firman Allah SWT dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٣١﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah daripada benda-benda yang baik (yang halal) yang Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah S.W.T, sekiranya kamu hanya menyembah kepada-Nya.

Surah al-Baqarah, 2: 172

Ayat tersebut menekankan kepentingan umat Islam untuk berusaha mencari makanan halal bagi menjamin kesihatan yang baik. Ia menyatakan bahawa pengambilan alkohol, daging babi, darah dan bangkai haiwan (tidak termasuk haiwan laut) adalah antara makanan yang tidak dibenarkan oleh syarak (Mohd Suradi et al., 2015).

Ini dapat dikaitkan dengan mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam yang terdedah kepada pelbagai pilihan makanan trend. Ia boleh didapati daripada restoran, kedai makanan segera, dan juga penjaja jalanan. Ini ditambah pula dengan restoran atau tempat makanan tertentu yang menjadi sangat popular dan tersebar dengan cepat melalui media sosial. Akibatnya, ramai mahasiswa yang berminat dan berkunjung, sama ada sebagai pelanggan tetap atau hanya sekali-sekala. Ini dinamakan sebagai makanan trend, yang merujuk kepada pelbagai jenis makanan atau gaya pemakanan yang mendapat populariti dalam komuniti tertentu dalam tempoh tertentu. Oleh itu, ramai yang akhirnya menjadikan hidangan khas dari negara lain sebagai makanan kegemaran di kalangan generasi muda (Ayudya Wardani & Nurfaizah, 2022).

Di Malaysia, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah mewujudkan prosedur pensijilan halal bagi meyakinkan pengguna, terutamanya masyarakat Islam, berkaitan status halal sesuatu produk. Sistem ini berakar pada prinsip-prinsip hukum syarak, yang bertujuan untuk meningkatkan keyakinan pengguna terhadap kehalalan produk tersebut (Mohd Nor & Hassan, 2022). Pada peringkat permulaan, logo halal ditujukan khas kepada komuniti Muslim, sama ada sebagai pengguna atau pengeluar produk. Namun, kini ia telah mendapat sokongan yang positif daripada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk mereka yang bukan beragama Islam, merangkumi seluruh negara. Ini mencerminkan penerimaan yang meluas terhadap penggunaan logo halal oleh semua pihak, tanpa mengira latar belakang etnik, agama, negara asal, atau budaya (Shafie et al., 2019). Oleh itu, logo halal ini membolehkan masyarakat, sebagai pengeluar atau pengguna, menyediakan lebih banyak sektor makanan yang berlandaskan syariat Islam.

## METODOLOGI

Metodologi penyelidikan merujuk kepada suatu proses yang digunakan untuk mendapatkan, mengumpul, dan menganalisis data. Proses ini bertujuan untuk membolehkan penyelidik menggunakan setiap jawapan yang diperolehi sebagai bukti dalam penyelidikan yang sedang dijalankan (Sabri & Osman, 2022). Responden yang dipilih terdiri daripada 121 orang mahasiswa pengajian Islam di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor. Data primer bagi kajian ini ialah soal selidik, manakala kajian sekunder pula adalah sumber rujukan yang diperolehi daripada jurnal, perpustakaan, dan maklumat melalui sumber atas talian iaitu internet. Kajian ini dilaksanakan menggunakan borang soal selidik. Borang tersebut digunakan untuk memperoleh data daripada mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam. Selain itu, kaedah kuantitatif ini juga dapat mengenal pasti secara menyeluruh berkaitan tahap sensitiviti terhadap status halal dan *toyyib*, faktor-faktor membeli makanan trend, serta impak positif terhadap pemilihan makanan trend.

Proses pengumpulan data bagi kajian ini dijalankan melalui pendedaran borang soal selidik yang memfokuskan kepada mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam. Borang soal selidik ini diagihkan kepada responden dan mengandungi empat bahagian utama. Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden, manakala Bahagian B mengandungi soalan berkaitan sensitiviti terhadap status halal dan *toyyib*. Bahagian C pula menumpukan kepada faktor pemilihan makanan trend dalam kalangan mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam. Akhirnya, Bahagian D menilai impak positif sensitiviti mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam terhadap status halal dan *toyyib* dalam pemilihan makanan trend. Soalan-soalan dalam Bahagian B, C, dan D menggunakan skala Likert 1–5 untuk mengukur tahap persetujuan responden terhadap item-item soalan. Skala 1 mewakili “Sangat Tidak Setuju”, manakala skala 5 mewakili “Sangat Setuju”.

Jadual 1: Jadual Skala Likert Lima Skor

Peringkat	Singkatan	Mata
Sangat Setuju	SS	5
Setuju	S	4
Kurang Pasti	TP	3
Tidak Setuju	TS	2
Sangat Tidak Setuju	STS	1

Sumber: Penulis (2024)

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif, iaitu satu bentuk penyelidikan yang menekankan penggunaan pengukuran objektif dan analisis statistik terhadap data berangka untuk mendapatkan fakta serta memahami dan menjelaskan sesuatu fenomena. Hasil kajian ini dijadikan panduan dalam amalan serta pembentukan polisi berkaitan. Berdasarkan data yang diperolehi, statistik digunakan untuk menganalisis keputusan daripada soalan yang dikemukakan. Selain itu, kaedah kuantitatif ini juga membolehkan pengkaji mengenal pasti secara menyeluruh faktor pemilihan makanan trend dalam kalangan mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam. Pengumpulan data dilakukan melalui pendedaran borang soal selidik menggunakan platform *Google Form* kepada responden yang terpilih di UiTM Shah Alam. Tempoh tertentu ditetapkan untuk responden menjawab soal selidik, dan borang yang telah dijawab dianalisis menggunakan statistik peratusan dan jumlah.


Proses analisis data dilakukan dengan menggunakan teknik statistik deskriptif. Teknik ini termasuk analisis demografi, yang digunakan untuk mengkaji ciri-ciri responden seperti jantina, umur, fakulti, program sarjana muda, dan tahun pengajian. Analisis ini bertujuan untuk mendapatkan kekerapan dan latar belakang responden serta memberikan gambaran menyeluruh berkaitan kajian yang dijalankan.

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

### 1. Bahagian A : Demografi Responden

Bahagian A membincangkan dapatan kajian yang merangkumi maklumat yang telah dikumpulkan berkaitan demografi responden. Antaranya ialah jantina, umur, dan fakulti, program sarjana muda dan tahun pengajian.


Rajah 1 Demografi Responden Berdasarkan Jantina



Sumber: Penulis (2024)

Rajah 1 menunjukkan peratusan responden lelaki adalah lebih tinggi berbanding perempuan. Responden lelaki merangkumi sebanyak 86%, manakala responden perempuan pula hanya 14%.


Rajah 2 Demografi Responden Berdasarkan Umur



Sumber: Penulis (2024)

Rajah 2 menunjukkan majoriti responden adalah mahasiswa yang berumur dalam lingkungan 21–23 tahun, dengan peratusan sebanyak 51.2%. Golongan kedua terbanyak ialah mahasiswa yang berumur 24–26 tahun, merangkumi 23.1%. Seterusnya, responden dalam kategori umur 27 tahun dan ke atas (16.5%) berada di tempat ketiga. Sementara itu, golongan paling minoriti ialah mahasiswa berumur 18–20 tahun, dengan jumlah hanya 9.1%.

Rajah 2 Demografi Responden Berdasarkan Fakulti




Sumber: Penulis (2024)

Rajah 3 menunjukkan 100% responden adalah mahasiswa daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam.

Rajah 4 Demografi Responden Berdasarkan Program Sarjana Muda

Program Sarjana Muda  
121 responses




Sumber: Penulis (2024)

Rajah 4 menunjukkan majoriti responden terdiri daripada mahasiswa jurusan Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal (Kepujian), dengan peratusan sebanyak 57.9%. Sementara itu, responden daripada jurusan Sarjana Muda Muamalat mencatatkan 42.1%.

Rajah 3 Demografi Responden Berdasarkan Tahun Pengajian

Tahun Pengajian  
121 responses



Sumber: Penulis (2024)

Rajah 5 menunjukkan peratusan responden berdasarkan tahun pengajian yang hampir sama. Mahasiswa tahun 3 mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 28.1%. Diikuti oleh mahasiswa tahun 2 dan tahun 4, masing-masing mencatatkan peratusan yang sama iaitu 24.8%. Mahasiswa tahun 1 pula merupakan kumpulan paling minoriti dengan peratusan sebanyak 22.3%.

## 2. Bahagian B: Tahap Sensitiviti Mahasiswa Pengajian Islam UiTM Shah Alam Terhadap Status Halal dan *Toyyib*.


Bahagian ini melaporkan analisis tahap responden terhadap status halal dan *toyyib*. Data yang diperoleh telah dianalisis berdasarkan Skala Likert Lima Skor, dengan pengelompokan maklumat mengikut bilangan dan peratusan responden.

Jadual 2 Senarai Soal Selidik Bagi Mengukur Tahap Sensitiviti Mahasiswa Pengajian Islam UiTM Shah Alam Terhadap Status Halal dan *Toyyib*

No	Penyataan
1	Saya sebagai orang Islam wajib mengutamakan aspek halalan toyyiban.
2	Saya mengaitkan produk atau makanan berlogo halal sebagai bersih, yakin dan selamat.
3	Saya mempelajari bahawa mengambil makanan minuman yang halal lagi toyyib merupakan sebahagian tuntutan ibadah.
4	Saya mengetahui bahawa satu-satunya organisasi yang diberi kuasa untuk mengeluarkan logo halal yang sah ialah JAKIM.
5	Saya meyakini pihak berkuasa akan menyelia dan memantau makanan yang mempunyai logo halal.
6	Saya membezakan logo Halal JAKIM yang sah atau palsu.
7	Saya mengetahui bahawa makanan keluaran bukan muslim boleh dimakan sekiranya mempunyai logo halal.
8	Saya memahami perbezaan antara status halal dan toyyib.
9	Saya meyakini makanan yang dijual di dalam kampus adalah halal dan toyyib.
10	Saya bertanggungjawab mengenalpasti status halal melalui aplikasi semak status halal.

Sumber: Penulis (2024)

Rajah 4 Tahap Sensitiviti Mahasiswa Pengajian Islam UiTM Shah Alam Terhadap Status Halal dan *Toyyib*



Sumber: Penulis (2024)

Rajah 6 di atas memperincikan 10 item soal selidik yang digunakan untuk mengukur tahap sensitiviti terhadap status halal dan *toyyib*. Hasil analisis menunjukkan bahawa majoriti item mencatatkan peratusan sangat setuju yang tinggi, menandakan kesedaran yang konsisten dalam kalangan responden. Item soal selidik nombor 6 dan 8 masing-masing menunjukkan jumlah respons yang sama, manakala item nombor 7 mencatatkan peratusan sangat setuju kedua tertinggi. Keseluruhan dapatan ini menggambarkan bahawa mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam memiliki tahap sensitiviti yang tinggi terhadap status halal dan *toyyib*. Hal ini menandakan mahasiswa prihatin terhadap garis panduan halal yang ditetapkan oleh JAKIM, selaras dengan kajian oleh Jamlus Rafdi et al. (2019).

### 3. Bahagian C: Faktor Pemilihan Makanan Trend Dalam Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam UiTM Shah Alam


Bahagian ini membincangkan analisis faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan makanan trend dalam kalangan mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam. Data yang diperoleh telah dianalisis dan hasilnya dipaparkan seperti yang digambarkan dalam Rajah 7.

Jadual 3 Senarai Soal Selidik Bagi Mengukur Tahap Sensitiviti Mahasiswa Pengajian Islam UiTM Shah Alam Terhadap Status Halal dan *Toyyib*

No	Penyataan
1	Budaya pemakanan keluarga mempengaruhi pemilihan makanan berstatus halal.
2	Saya mengutamakan makanan berlogo halal yang dikeluarkan orang Islam berbanding eksploitasi logo halal.
3	Saya berhati-hati dalam memilih makanan yang tidak mempunyai logo halal, walaupun ia dijual oleh orang Islam.
4	Saya membeli makanan mengikut gaya/trend semasa masyarakat.
5	Saya memilih makanan dengan mempertimbangkan penelitian terhadap piawaian dan pensijilan halal.
6	Saya mempersoalkan kesahihan makanan yang diberikan oleh rakan muslim jika terdapat unsur syubhah.
7	Saya menyemak senarai premis yang diakui halal oleh pihak JAKIM melalui laman sesawang JAKIM.
8	Penting untuk meneliti dan membaca bahan kandungan makanan.
9	Memilih makanan halal kerana sesuai dengan panduan ajaran agama Islam.
10	Saya meyakini makanan selamat dimakan dengan melihat logo halal.

Sumber: Penulis (2024)

Rajah 5 Faktor Pemilihan Makanan Trend Dalam Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam UiTM Shah Alam



Sumber: Penulis (2024)

Rajah 7 menunjukkan skor peratusan bagi 10 item yang mengukur faktor pemilihan makanan trend dalam kalangan mahasiswa pengajian Islam di UiTM Shah Alam. Item tersebut merangkumi aspek seperti agama, status halal, trend terkini, serta pengaruh keluarga dan rakan-rakan Muslim responden dalam membuat pilihan makanan trend. Hasil analisis menunjukkan bahawa majoriti item mencatatkan peratusan tertinggi pada skala "sangat setuju". Walau bagaimanapun, bagi item 5 dan item 7, yang berkaitan dengan penelitian terhadap piawaian dan pensijilan halal serta semakan premis halal melalui laman sesawang JAKIM, skor tertinggi adalah pada skala "setuju". Keputusan ini mencerminkan bahawa walaupun terdapat kesedaran terhadap aspek halal, kesuntukan masa dan pengaruh produk viral menjadi faktor utama mahasiswa memilih makanan yang mudah diperolehi, cepat, lazat, dan seiring dengan trend terkini. Situasi



ini menunjukkan bahawa walaupun kesihatan diri diutamakan, aspek halal kadangkala terlepas pandang. Secara keseluruhannya, peratusan skala "sangat setuju" kekal dominan dalam analisis, menggambarkan kepekaan yang tinggi dalam kalangan mahasiswa terhadap faktor-faktor tertentu dalam pemilihan makanan trend (Mhd Khotib & Md Yusof, 2022; Gunardi et al., 2021).

**4. Bahagian D: Impak Positif daripada Sensitiviti Mahasiswa Pengajian Islam UiTM Shah Alam terhadap Status Halal dan *Toyyib* dalam Pemilihan Makanan Trend**


Bahagian ini membincangkan impak positif sensitiviti mahasiswa pengajian Islam UiTM Shah Alam terhadap status halal dan *toyyib* dalam pemilihan makanan trend. Sensitiviti ini berperanan penting dalam mempengaruhi gaya pemakanan dan keputusan pembelian makanan mereka. Jadual 4 di bawah memaparkan butiran lengkap hasil analisis yang dijalankan.

Jadual 4 Impak Positif daripada Sensitiviti Mahasiswa Pengajian Islam UiTM Shah Alam terhadap Status Halal dan *Toyyib* dalam Pemilihan Makanan Trend

No	Penyataan
1	Mengetahui dimana boleh mendapatkan maklumat jika terdapat keraguan halal haram dalam satu-satu makanan.
2	Menyatakan pengetahuan dan mengingatkan semula suatu isu halal.
3	Berasa serba salah kerana terlanjur mengambil makanan yang diragui status halal.
4	Menitikberatkan aspek penyediaan, penyimpanan, penghantaran, dan penghidangan sebelum membeli sesuatu makanan
5	Menyumbang kepada pasaran makanan global yang berkembang pesat, yang merangkumi produk-produk halal dan <i>toyyib</i> .
6	Mengetahui akan kepentingan untuk semak bahan-bahan sebelum membeli sesuatu produk.
7	Berkongsi pengetahuan tentang status halal dan <i>toyyib</i> makanan dengan rakan-rakan atau keluarga.
8	Makanan halal dan <i>toyyib</i> memberi jaminan kesihatan tubuh badan dalam jangka hayat panjang.
9	Makanan halal dan <i>toyyib</i> membantu menjaga kebersihan jiwa dan rohani.
10	Makanan halal dan <i>toyyib</i> memelihara agama dan komuniti umat Islam.

Sumber: Penulis (2024)

Rajah 6 Impak Positif daripada Sensitiviti Mahasiswa Pengajian Islam UiTM Shah Alam terhadap Status Halal dan *Toyyib* dalam Pemilihan Makanan Trend



Sumber: Penulis (2024)

Rajah 8 menunjukkan 10 item yang disediakan bagi mengukur impak positif sensitiviti terhadap status halal dan *toyyib* dalam pemilihan makanan trend dalam kalangan mahasiswa pengajian Islam UiTM Shah

Alam. Secara keseluruhan, item-item ini menunjukkan majoriti responden memilih skala Likert “sangat setuju”, iaitu berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, masih ada responden yang memilih skala Likert “setuju” sahaja bagi item 1 dan 2. Kedua-dua item ini berkaitan dengan pengetahuan tentang tempat untuk mendapatkan maklumat jika terdapat keraguan mengenai halal atau haram sesuatu makanan. Pernyataan 3 pula berkaitan dengan perasaan serba salah kerana secara tidak sengaja mengambil makanan yang diragui status halal-halalnya. Pernyataan 6 berkaitan dengan pengetahuan mahasiswa tentang kepentingan menyemak bahan-bahan sebelum membeli sesuatu produk, manakala pernyataan 7 berkaitan dengan amalan berkongsi maklumat tentang status halal dan *toyyib* makanan dengan rakan-rakan atau keluarga. Didapati seramai 5 orang responden tidak bersetuju dengan item nombor 4. Secara keseluruhan, persepsi mahasiswa terhadap sensitiviti status halal dan *toyyib* adalah positif, iaitu berada pada tahap persetujuan yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa secara umumnya semua responden mempunyai persepsi yang baik terhadap sensitiviti status halal dan *toyyib* dalam pemilihan makanan trend. Keadaan ini turut memberi kesan besar kepada diri mereka dan juga kepada kehidupan seharian masyarakat (Zainuddin & Azmi, 2022).

## KESIMPULAN

Oleh itu, pengkaji mengharapkan agar kajian selanjutnya dapat dilaksanakan supaya dapatan kajian yang diperoleh menjadi lebih mendalam dan sistematik. Pengkaji juga berharap agar kajian seterusnya memfokuskan kepada pelajar sekolah, memandangkan golongan kanak-kanak dan remaja kini menjadi sasaran utama industri makanan dalam usaha mengaut keuntungan dengan memperkenalkan makanan yang kurang sihat. Dapat dirumuskan bahawa berdasarkan dapatan kajian ini, kesedaran dan kepekaan terhadap aspek halal dan *toyyib* dalam pemakanan semakin meningkat dalam kalangan mahasiswa. Perkembangan ini merupakan hasil daripada peningkatan kesedaran umum terhadap isu makanan sihat serta pengaruh budaya makanan yang semakin bersifat global. Sensitiviti mahasiswa terhadap status halal dan *toyyib* dalam pemilihan makanan trend terkini merupakan satu perkembangan positif yang mencerminkan nilai budaya, kesihatan, dan kelestarian. Mahasiswa memainkan peranan penting dalam membentuk landskap pemakanan masa depan yang lebih beretika dan seimbang. Dengan pendidikan yang berterusan serta kesedaran masyarakat yang semakin meningkat, kita boleh mengharapkan lebih ramai individu dalam masyarakat akan mengutamakan pemakanan yang memenuhi standard halal dan *toyyib*. Semoga hasil dapatan kajian ini dapat menjadi garis panduan kepada pihak-pihak berkepentingan dalam mempertingkatkan tahap sensitiviti serta amalan pemakanan makanan halal dan *toyyib*, khususnya dalam kalangan mahasiswa.

## PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan hasil penulisan ilmiah pelajar bernama Nur Aqilah Rashidah iaitu pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam) di Universiti Selangor Kampus Bestari Jaya.

## PENYATA PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Penulis bersetuju bahawa penyelidikan ini dijalankan tanpa adanya sebarang faedah diri, konflik komersial atau kewangan dan mengisytiharkan ketiadaan kepentingan luar.

## SUMBANGAN PARA PENULIS

Liana Ab Latif menjalankan penyelidikan, menulis dan menyemak artikel. Nur Aqilah Rashidah Mohd Rizal mengkonseptualisasikan idea penyelidikan pusat dan menyediakan kerangka teori. Liana Ab Latif dan Nur Aqilah Rashidah Mohd Rizal mereka bentuk penyelidikan, menyelia kemajuan penyelidikan.

**RUJUKAN**

- Awang, N. (2019). *Konsep Halalan Tayyiban dan Trend Pemilihan Makanan Umat Islam Kini*. Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar. Malaysia: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ayudya Wardani, K., & Nurfaizah, I. (2022). Tren Makanan Sebagai Dampak Globalisasi Terhadap Pertukaran Budaya. *Prosiding Konferensi Ilmiah Pendidikan* 3.
- Hashim, K., Mohammad, N., & Kamis, M. S. (2022). Kepentingan Memahami Konsep Halalan Tayyiban dalam Aspek Keselamatan Makanan di Kalangan Mahasiswa Muslim: Pandangan daripada Perspektif Maqasid Syariah Memelihara Nyawa. *Journal of Management and Muamalah* 12(2).
- Gunardi, S., Awang, M. S., Mohd Salleh, M. M., & Ab. Halim, M. A. (2021). Panduan Makanan dan Minuman Halal: Kajian Menurut Perspektif Syariah Dan Perundangan Malaysia. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains*.
- Jamlus Rafdi, N., Ahmad Sabri, S., Shah, W. S., & Wan Hassin, W. S. (2019). Persepsi Pelajar Terhadap Logo Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Proceeding of the 6th International Conference on Management and Muamalah 2019 (ICoMM 2019)*.
- Mhd Khotib, N. A., & Md Yusof, S. (2022). Faktor Pemilihan Pengguna Muslim Terhadap Produk Berlogo Halal dan Produk Muslim. *Islamic Banking, Accounting and Finance International Conference (The 10th IBAF 2022)*.
- Mohd Nor, N., & Hassan, Z. (2022). Kesedaran Pelajar Terhadap Pensijilan Halal, Kesedaran Halal, Komposisi Makanan dan Minat Membeli Produk Halal Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Hulu Langat, Kajang Selangor. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 7(2), 67–76.
- Mohd Suradi, N. R., Alias, N. A., Mohd Ali, Z., & Zainal Abidin, N. (2015). Tanggapan dan Faktor Penentu Pemilihan Makanan Halal Dalam Kalangan Ibu Bapa Muslim. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 75–88.
- Mohd, D. (18 September 2020). *Jangan Ambil Mudah Status Halal Produk Makanan*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2020/09/732549/jangan-ambil-mudah-status-halal-produk-makanan>
- Mohd Zain, N. A., Shamshudeen, R. I., & Ezhar Tamam. (2024). Skop Sensitiviti Pelajar Islam Terhadap Hukum Halal Haram Urusan. *Muamalat. Jurnal Pengguna Malaysia*, 24, 69–95.
- Muhamad, S. N., Mohd Yusof, F., Mahpuz, A. Z. A.-H., Abdul Rahman, H., & Mahpuz, A. N. 'Aqilah. (2019). Pola Pemakanan Dan Kesannya Terhadap Gaya Hidup Dan Pemikiran Individu: Analisis Terhadap Surah Al-Kahfi. *Ulum Islamiyyah* 26, 53–61.
- Sabri, M. A., & Osman, K. (2022). Muslim dan Dakwah. *Seminar Dakwah dan Wahdah Al-Ummah 2022*.
- Shafie, A., Nazri, M. A., & Hussin, H. (2019). Makanan Halal Menurut Perspektif Islam dan Kepentingan Pelabelan. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences. Volume 2, Issue 3*, 70–84.
- Zaini, A. R., & Abd. Rahman, R. (2020). Kecaknaan Pengguna Muslim Terhadap Logo Halal Muslim's Intentions on Halal Logo. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019. Islāmiyyāt 42(Isu Khas)*, 43 – 49.

Zainuddin, P. F. A., & Azmi, A. (2022). Indeks Keprihatinan Produk Makanan Halal Di Kalangan Pelajar Muslim di Sarawak, Malaysia. *Proceedings Borneo Islamic International Conference Vol. 13*, 180–189.



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).